

Dr. Nasreen Khanum dilantik Profesor Adjung UPSI

Ipoh, 13 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Perak, Dr Nasreen Khanum Nawab Zadah Khan, dilantik sebagai Profesor Adjung Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

UPSI dalam satu kenyataan berkata, Dr. Nasreen Khanum dilantik sebagai Profesor Adjung bagi tempoh dua tahun bermula 1 Disember 2024 sehingga 30 Disember 2026.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pelantikan itu berasaskan pengalaman luas dan kemahiran yang dimiliki Dr. Nasreen Khanum dalam pentadbiran kerajaan.

"Dengan pelantikan Dr. Nasreen Khanum itu akan memberi peluang kepada beliau untuk berkongsi pengalaman luasnya bersama UPSI menerusi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE).

"Saya berharap beliau akan memanfaatkan segala pengalaman untuk membantu menjulang nama UPSI di arena antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, pelantikan itu juga dibuat sebagai langkah merealisasikan integrasi antara akademik dengan profesional yang diiktiraf sebagai pakar dan berperanan dalam pembangunan akademik FPE khususnya dan UPSI umumnya.

"Dr. Nasreen Khanum akan memberi perkongsian pengalaman dan idea-idea baharu kalangan

akademia dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

"Beliau juga berperanan memperkasakan hubungan kerjasama dengan pihak industri serta institusi-institusi di luar UPSI," katanya.

Dr. Nasreen Khanum mula berkhidmat di Yayasan Perak pada November 2023 di mana sebelum itu beliau bertugas sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Tanah dan Daerah, Kerian.

Antara jawatan penting yang pernah disandangnya termasuklah sebagai Ketua Akademik dan Perunding Kanan Latihan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN); Penolong Timbalan Presiden, Projek Impak Strategik, Agensi Inovasi Malaysia, Jabatan Perdana Menteri serta Ketua Penolong Pengarah Perancangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).



UPSI santuni mantan ahli LPU dan JKPU dalam Majlis Jasamu Dikenang



ResQ Team UPSI Prihatin, Salur Bantuan Makanan kepada Mangsa Banjir di Perak

Bota, 13 Disember

- Mangsa banjir di Perak terus menerima perhatian daripada ResQ Team Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi misi kemanusiaan yang menyalurkan bantuan berupa kotak makanan kepada mereka yang terjejas di beberapa kawasan di negeri ini.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, menyatakan bahawa inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen universiti untuk mendukung masyarakat, khususnya dalam memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan semasa menghadapi cabaran. "Kami di ResQ Team UPSI berasa terpacu untuk turun padang membantu mangsa banjir yang kehilangan banyak harta benda.

"Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan kami terhadap penderitaan yang dialami mereka," ujarnya.

Beliau turut menekankan bahawa UPSI sentiasa menggalakkan pelajar dan kakitangan universiti untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan, terutamanya ketika menghadapi situasi bencana alam seperti ini. "Kami percaya bahawa dengan menyemai nilai-nilai kemanusiaan dan kepedulian sosial, universiti dapat memainkan peranan besar dalam membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bertanggungjawab," ujar beliau. Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof. Dr.

Norkhalid Salimin, turut menegaskan bahawa ResQ Team UPSI akan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong masyarakat yang terjejas akibat bencana.

"Sebagai organisasi yang berpegang kepada prinsip kemanusiaan, kami komited untuk memastikan bantuan dan sokongan diberikan kepada mereka yang memerlukan sepanjang tempoh sukar ini.

Beliau juga menyatakan bahawa UPSI merancang untuk meluaskan lagi skop bantuan termasuk sokongan psikososial dan khidmat kaunseling kepada mangsa banjir bagi membantu mereka pulih secara emosi dan mental.

Program UPSI Career & Internship Fair 2024 Berjaya Tarik Perhatian Mahasiswa dan Industri


Tanjong Malim, 12 Disember

- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mencipta kejayaan melalui penganjuran UPSI Career & Internship Fair 2024 yang bertujuan menyediakan platform bagi mahasiswa berinteraksi dengan pelbagai industri serta memahami dunia pekerjaan dengan lebih dekat. Program yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pembangunan

Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE) UPSI, Pusat Latihan Mengajar dan Induksi (PULAMI), TalentBank serta EDGERS ini telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 50 organisasi terkemuka termasuk TalentBank, Excelerate, dan JobStreet. Menurut Pendaftar UPSI, Encik Helmi Zaifura Abdul Rahman menzahirkan penghargaan terhadap komitmen dan usaha semua pihak

yang terlibat. "Komitmen, semangat, dan kerja keras anda semua menjadi tulang belakang kejayaan program hari ini.

"Kehadiran pempamer serta agensi terkemuka bukan sahaja menyerikan program ini, malah memberikan peluang berharga kepada mahasiswa untuk memahami dunia pekerjaan dengan lebih dekat.



Penyelidik UPSI Cipta Platform Interaktif Mudahkan Usahawan dan Pelajar Akses Ilmu Keusahawanan Digital

Dalam era digital yang sangat pantas, pembelajaran keusahawanan bukan hanya terbatas kepada kuliah di dalam bilik darjah. Sebuah platform MOOC (Massive Open Online Course) yang inovatif telah mengubah cara usahawan mempelajari teknologi digital dan meningkatkan kemahiran mereka. Platform yang diberi nama Sinergetic ini telah dibangunkan oleh ketua penyelidik, Dr. Muhammad Hariz Bin Muhammad Adnan. Projek inovatif ini diperkenalkan pada tahun 2021 sebagai platform pembelajaran kolaboratif dalam talian yang memanfaatkan teknologi terkini untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan serta pelajar dalam bidang keusahawanan digital. Dr. Muhammad

Hariz bersama rakan penyelidikan Dr. Satria Abadi telah mengembangkan Sinergetic menggunakan konsep MOOC dan gamifikasi untuk memudahkan usahawan dan pelajar mengakses ilmu keusahawanan digital dengan cara yang interaktif dan menyenangkan. Kos penyelidikan dan pembangunan projek ini adalah RM 5000 sahaja yang telah dibiayai sepenuhnya melalui Dana Pengkomersialan Covid19 oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC). Sejak diperkenalkan, pelajar menunjukkan peningkatan dalam pemahaman mereka mengenai pemasaran digital, pengurusan perniagaan dalam talian, dan penggunaan teknologi terkini untuk meningkatkan

produktiviti dan operasi perniagaan. Projek Sinergetic berjaya dikomersialkan melalui pelbagai saluran seperti latihan, perundingan, dan penjualan modul serta buku digital yang berkaitan dengan platform ini, membuktikan ia mempunyai nilai komersial yang tinggi. Projek ini telah mendapat pengiktirafan yang tinggi dengan memenangi beberapa anugerah berprestij seperti pingat perak di MTE 2024, pingat emas di EDU@Innovate 2023, pingat emas di InIIC Series 2/2022, pingat gangsa di PECIPTA 2022, dan anugerah Diamond di TLIF 2022. Anugerah yang diterima menjadi bukti penerimaan dan impak positif platform ini terhadap komuniti.



Kunjungan UniSIRAJ ke RMIC UPSI



Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoU) antara UPSI dengan Tech Titan Distribution Sdn. Bhd



Program Iftar Tabung Haji bersama Al-Mursyidin Club semarakkan nilai Islam antara institusi, masyarakat



Santai Pesona PEWARIS